



## KENYATAAN MEDIA

### PEMATUHAN GARIS PANDUAN KESIHATAN

***Bandar Seri Begawan, Selasa, 17 Ogos 2021***

Merujuk kepada gambar-gambar yang tular baru-baru ini melalui laman media sosial yang dipercayai sekumpulan individu warganegara asing yang masih kelihatan berkumpul ramai di tempat awam di Negara ini. Dalam hal ini, Jabatan Perdana Menteri ingin menegaskan sekali lagi kepada orang ramai terutamanya pemilik-pemilik syarikat di Negara Brunei Darussalam, adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap majikan, sama ada syarikat ataupun persendirian, untuk memastikan supaya pekerja-pekerja masing-masing mematuhi peraturan-peraturan dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat di Negara ini.

Strategi Kementerian Kesihatan iaitu '**Bersama Melindungi Negara Kitani**' ini melibatkan semua pihak yang berada di Negara Brunei Darussalam pada masa ini, sama ada warganegara tempatan mahupun warganegara asing supaya turut sama-sama memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam dengan mematuhi protokol kesihatan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Jika ada warganegara asing masih kurang faham dengan peraturan dan garis panduan kesihatan terkini, ada baiknya bagi pihak-pihak majikan untuk menerangkan lebih terperinci kepada mereka bagi mengelakkan perkara ini berulang lagi pada masa akan datang.

Selain itu, adalah diperingatkan juga sekali lagi bagi syarikat-syarikat perniagaan dan pengangkutan (*Transport Operators*) yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan telah diberikan kebenaran untuk keluar negara mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mengangkut dan menghantar barangan import dan eksport, supaya mematuhi protokol kesihatan yang sedia ada seperti menggunakan *Personal Protection Equipment* (PPE) semasa mengendalikan pemungghahan barangan.

Pihak berkuasa Negara Brunei Darussalam tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada mana-mana individu dan majikan yang didapati melanggar atau enggan mematuhi mana-mana peraturan atau garis panduan yang telah dikeluarkan dan dikuatkuasakan, dengan dikenakan denda di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.



Ke arah ini, semua pihak perlulah sama-sama memikul tanggungjawab dalam menghalang penularan wabak penyakit COVID-19 di negara ini serta memberikan kerjasama sepenuhnya dalam mematuhi Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures - SOPs*) yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

***JABATAN PERDANA MENTERI***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

8hb., Muharram, 1443  
17hb., Ogos, 2021



## **MEDIA STATEMENT**

### **ADHERENCE TO HEALTH GUIDELINES**

***Bandar Seri Begawan, Tuesday, 17<sup>th</sup> August 2021***

In reference to images that went viral recently on social media reportedly showing a group of foreign nationals still seen gathering in a public place in the country, the Prime Minister's Office would like to once again inform the public, especially business owners in Brunei Darussalam, that it is the responsibility of every employer, whether a company or private employer, to ensure that their respective employees adhere to the rules and regulations in dealing with and curbing the spread of the COVID-19 pandemic in the country.

The Ministry of Health strategy of "**Bersama Melindungi Negara Kitani**" or "Together We Protect Our Nation" involves everyone who is currently in Brunei Darussalam, that is, both local citizens and foreign nationals, such that they would together preserve the safety and well-being of the public by following health protocols and the set guidelines.

Should there be any foreign nationals who still find the latest health regulations and guidelines difficult to understand, it would be advisable for their employers to explain to them in greater detail so as to avoid a recurrence of the matter in future.

In addition, Transport Operators who are registered in Brunei Darussalam and who have been granted permission to exit the country after having met the set requirements for transporting and delivering import and export goods, to observe existing health protocols such as utilising Personal Protection Equipment (PPE) while loading and offloading the goods.

Brunei Darussalam authorities will not hesitate to take firm action on any individuals AND employers who are found to have violated or who refuse to adhere to whatever regulations and guidelines that have been issued and enforced, by imposing fines under the Infectious Diseases Act Chapter 204.

To that end, all parties need to shoulder the shared responsibility for preventing the spread of the COVID-19 pandemic in the country, and to give their full cooperation in following the Standard Operating Procedures (SOPs) that have been set by the authorities.



***PRIME MINISTER'S OFFICE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Brunei Darussalam

8<sup>th</sup> Muharram 1443  
17<sup>th</sup> August 2021